



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1980**

Tuan,

**PEMBEKALAN TOPI KELEDAR**

Adalah diperhatikan bahawa mengikut amalan sekarang Jabatan-jabatan ada membekalkan motosikal untuk digunakan oleh kakitangan-kakitangan tertentu bagi maksud melaksanakan tugas-tugas jawatan di luar pejabat. Lazimnya kakitangan-kakitangan seperti Penghantar Taligeraf, Posmen dan Penghantar Cepat, oleh kerana tugas jawatan mereka itu didapati perlu menggunakan motosikal Jabatan, adalah dibekalkan dengan motosikal Jabatan di atas kepentingan perkhidmatan.

2. Adalah diperhatikan juga bahawa ada di antara jabatan-jabatan yang berkenaan membekalkan topi keledar bersama-sama dengan pembekalan motosikal itu kepada pekerja-pekerja seumpama itu memandangkan Kerajaan telah menguatkuasa undang-undang pemakaian topi keledar bagi penunggang-penunggang motosikal tetapi ada pula Jabatan-jabatan yang tidak membekalkan topi keledar kepada pekerja-pekerja itu.

3. Bagi maksud meyelaraskan amalan ini maka adalah diputuskan iaitu Ketua Jabatan hendaklah membekalkan sebuah topi keledar bagi tiap-tiap seorang pekerja yang ditugaskan memandu motosikal Jabatan, iaitu termasuk juga pekerja-pekerja yang ditugaskan menggunakan motosikal Jabatan secara bergilir-gilir, atau sebagai pemandu ganti.

4. Keputusan ini adalah juga meliputi perkhidmatan Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.

Saya yang menurut perintah,

**NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH,**  
*Bahagian Gaji dan Elaun,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

14hb Julai, 1980.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa  
Tempatan.